



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

---

**BAHASA MELAYU**

**1103/1**

**2 ¼ jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

- 1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
- 2. Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
- 3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

---


Kertas ini mengandungi 3 halaman bercetak

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menyayangi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menyayangi sekolah. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Rumah terbuka sudah menjadi satu kebiasaan bagi rakyat Malaysia apabila menyambut sesuatu perayaan. Pada musim perayaan yang lalu, anda berkesempatan mengunjungi rumah terbuka jiran anda yang berlainan bangsa.

Ceritakan pengalaman dan faedah yang anda peroleh ketika menghadiri rumah terbuka tersebut.

2. Kebanyakan anak remaja hari ini tidak suka membantu ibu bapa di rumah.

Huraikan peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk memperkasakan budaya tolong-menolong dalam kalangan ahli keluarga.

3. Anda ingin menyertai pertandingan menulis esei bersempena dengan Sambutan Hari Polis di tempat anda. Tajuk yang anda pilih ialah “Membanteras Jenayah Tanggungjawab Bersama”.

Tulis esei anda selengkapnya.

4. Ketidakstabilan politik di sesebuah negara menimbulkan kesan negatif kepada masyarakat dunia.

Bincangkan.

5. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum kaya dengan budaya warisan. Walau bagaimanapun generasi muda masa kini kurang menghargai budaya warisan bangsa mereka sendiri.

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

**KERTAS SOALAN TAMAT**